

# Lelaki OKU lemas di lubuk Sungai Berkelah Gambang

Oleh [Asrol Awang](#) - Februari 10, 2024 @ 6:09pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Anggota bomba mengangkat mayat lelaki OKU mangsa lemas ketika mandi di Sungai Berkelah Gambang, di Kuantan hari ini. - Foto ihsan JBPM Pahang

KUANTAN: Seorang remaja orang kurang upaya (OKU) lemas ketika mandi bersama enam rakan di Sungai Berkelah Gambang, di sini, hari ini.

Mangsa, Harun Mahmud, 20, dikatakan lemas selepas hanyut ketika mandi di kawasan lubuk yang lebih dalam di bahagian hilir air terjun itu kira-kira jam 11.30 pagi.

Dua rakan yang turut mandi bersama mangsa di kawasan itu juga hanyut, namun sempat berpaut pada dahan kayu di tebing sungai dan menyelamatkan diri.

Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Wan Mohd Zahari Wan Busu, berkata rakan mangsa lain tidak dapat berbuat apa-apa disebabkan kejadian berlaku sangat pantas dan keadaan dasar kolam juga sangat dalam.

Beliau berkata, mangsa ditemukan anggota bomba di dasar sungai dengan kedalaman tujuh meter pada jam 12.54 tengah hari.

"Mayatnya dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), di sini untuk bedah siasat, manakala dua rakannya berusia 15 dan 19 tahun yang terselamat dihantar ke hospital sama untuk rawatan lanjut," katanya.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Zulfadli Zakaria berkata, sepasukan 11 pegawai dan anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Taman Tas, Kuantan dan Pekan dikejarkan ke lokasi untuk bantuan mencari dan menyelamatkan selepas menerima panggilan kecemasan jam 11.53 pagi.